

05/08/2002

Jerat negara kaya untuk kuasai ekonomi dunia

TAKRIFAN keganasan ekonomi boleh dilihat daripada skop yang lebih luas yang mana ia sudah berlaku sejak sekian lama. Keganasan ekonomi mungkin tidak menampakkan kerosakan fizikal atau ramai mangsa yang menjadi korban sebagaimana keganasan ketenteraan, tetapi ia mampu menjejaskan kegiatan ekonomi sesebuah negara. Negara yang menghadapi keganasan ekonomi akan berasakan mereka tertekan dan tidak mendapat sokongan negara kaya. Secara tiba-tiba negara yang diancam keganasan ekonomi mendapati tidak ada negara yang berminat menanam modal di negaranya sedangkan negara berkenaan cukup baik untuk suasana pelaburan.

Pastinya tindakan keganasan ekonomi dilakukan oleh negara yang lebih kuat kedudukan ekonominya berbanding dengan negara yang menjadi mangsa keganasan ekonomi. Cara keganasan ekonomi dilakukan mungkin pelbagai tetapi matlamatnya adalah satu - menjejaskan ekonomi sesebuah negara. Hanya negara kaya berkenaan yang tahu tujuan sebenar mereka melakukan keganasan ekonomi sama ada untuk membuka ruang supaya negara mangsa dijajah semula, membalas dendam atau mengelakkan persaingan dengan negara sekutunya. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mungkin memberi hanya satu contoh di mana sebuah negara kaya berjaya menghalang sebuah syarikat daripada melabur di Malaysia dengan menawarkan AS\$200 juta (RM760 juta) dan keistimewaan lain yang tidak mungkin dapat ditawarkan negara. Sama ada negara yang dimaksudkan itu diumumkan atau terus dirahsiakan, ia tidak penting kerana isu nyata ialah sememangnya wujud negara yang cuba menghalang pelaburan syarikat ke sesebuah negara lain, khasnya di Malaysia dengan muslihat tersendiri. Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar membayangkan bahawa isu ini akan dibawa ke forum antarabangsa, setidaknya untuk memberitahu dunia bahawa ancaman keganasan ekonomi tidak sewajarnya diamalkan oleh mana-mana negara.

Dalam dunia yang penuh muslihat hari ini, keganasan ekonomi boleh berlaku di mana-mana saja terutamanya di negara yang boleh dianggap mempunyai potensi untuk mempengaruhi pandangan dunia atau dianggap sebagai negara pesaing. Mereka akan cuba menghalang kemajuan sesebuah negara dengan menggunakan kekuatan ekonominya atau menggunakan pengaruh pihak ketiga. Jika berpendapat sesebuah negara tidak sewajarnya dibantu oleh mana-mana pihak atau syarikat menerusi kegiatan ekonomi, mereka akan memujuk pihak berkenaan supaya mengubah pendirian. Jika perlu, mereka dibayar dengan sejumlah wang yang besar agar mencari pelaburan di tempat lain. Kesannya, negara penerima pelaburan akan kehilangan peluang hanya disebabkan tidak mendapat sokongan negara berkenaan. Ini berlaku kepada Malaysia sedangkan pelabur berhak membuat keputusan untuk menanam modal di negara ini dengan pelbagai insentif yang disediakan. Jika ada negara lain yang turut berminat untuk mendapat peluang yang sama, mereka sepatutnya mampu bersaing menerusi galakan yang mereka sediakan sama ada dari segi kemudahan prasarana, kemudahan tenaga kerja dan sebagainya. Adalah tidak wajar jika negara berkenaan menggunakan taktik yang boleh menjejaskan persaingan sihat. Sogokan wang bukanlah cara yang sihat.

Jika dihalusi, keganasan ekonomi juga mungkin berlaku dengan mengadakan cerita mengenai keburukan sesebuah negara kononnya tidak menghormati hak asasi manusia, mempertikaikan sistem kehakiman, mengembar-gemburkan masalah politik dalaman dan mempersoalkan kemantapan dan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Maklumat palsu seperti ini, bila sampai kepada pelabur, akan membuatkan mereka memikirkan semula rancangan

untuk menanam modal di sesebuah negara. Lebih buruk jika syarikat berkenaan tidak diberi jaminan pasaran sekiranya terus melabur di sesebuah negara berkenaan. Cara lain yang turut digunakan ialah dengan melemahkan kedudukan mata wang sesebuah negara dengan mengeksploitasi pasaran kewangan dan bursa saham. Mereka akan menjadikan sesebuah negara itu bergolak hingga melembapkan kecergasan kegiatan ekonomi seterusnya menyebabkan projek pembangunan tidak dapat digerakkan.